


- 1 Apakah motif firma membuat pilihan?
- A Mengutamakan projek pembangunan
 - B Mementingkan kebajikan pekerja
 - C Memaksimum penghasilan input
 - D Mengatasi kekurangan modal

- 2 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi barang A dan barang B.



Rajah 1

Pilih pasangan yang betul tentang kombinasi Q dan R.

	Q	R
A	Ekonomi telah capai guna tenaga penuh	Ekonomi alami situasi pengangguran
B	Wujud lebih penghasilan output	Wujud lebih bekalan sumber input
C	Tingkat pengeluaran adalah cekap	Tingkat pengeluaran adalah tidak cekap
D	Berlaku kos lepas semakin meningkat	Berlaku kos lepas semakin mengecil

3 Maklumat berikut menunjukkan ciri sistem ekonomi bagi negara X.

- Pilihan adalah bebas kepada setiap individu
- Harga ditentukan melalui mekanisme harga

Apakah cara negara X menyelesaikan masalah untuk siapa dikeluarkan?

- A Mengeluar barang mengikut permintaan isi rumah
- B Menawarkan produk yang mendatangkan keuntungan
- C Menghasil produk bagi memenuhi kehendak masyarakat
- D Membekalkan barang berdasarkan kemampuan pengguna

4 Antara yang berikut, yang manakah **betul** tentang keluk permintaan individu.


- I Menunjukkan hubungan bagi setiap tingkat harga dengan kuantiti
- II Bentuk keluk lebih landai berbanding keluk permintaan pasaran
- III Keluk akan beralih ke kanan apabila harga barang itu jatuh
- IV Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah negatif

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Pernyataan yang manakah menerangkan perubahan permintaan?

- A Dipengaruhi oleh tingkat pendapatan pengguna
- B Berlaku penguncupan kuantiti apabila harga naik
- C Berkadar songsang dengan perubahan harga barang itu
- D Ditunjukkan oleh pergerakan titik di atas keluk yang sama

6 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan bagi barang X.



Rajah 2


Pernyataan yang manakah **betul** tentang rajah di atas?

	Perubahan	Keterangan
A	Titik A → Titik B	Mengakibatkan perubahan dalam kuantiti diminta sebanyak 40 unit
B	Titik A → Titik C	Berpunca daripada kenaikan pendapatan menyebabkan kuantiti naik sebanyak 60 unit
C	RM12 → RM16	Menunjukkan hubungan positif dengan perubahan dalam kuantiti 140 ke 100 unit
D	RM12 → RM10	Berlaku pertambahan permintaan maka kuantiti meningkat dari 140 ke 200 unit

7 Pilih pasangan yang betul.

	Rajah	Keterangan
A	A supply curve graph with 'Harga (RM)' on the vertical axis and 'Kuantiti (unit)' on the horizontal axis. A single upward-sloping supply curve labeled 'S' is shown. An arrow points right from Q_0 to Q_1 along the horizontal axis. Corresponding price points P_0 and P_1 are marked on the vertical axis, with P_1 being lower than P_0. Dashed lines connect (Q_0, P_0) and (Q_1, P_1) to the curve.	Perubahan dari Q_0 ke Q_1 dikenali sebagai pengembangan penawaran
B	A supply curve graph with 'Harga (RM)' on the vertical axis and 'Kuantiti (unit)' on the horizontal axis. A single upward-sloping supply curve labeled 'S' is shown. An arrow points left from Q_0 to Q_1 along the horizontal axis. Corresponding price points P_0 and P_1 are marked on the vertical axis, with P_1 being higher than P_0. Dashed lines connect (Q_0, P_0) and (Q_1, P_1) to the curve.	Pengurangan dari Q_0 ke Q_1 kesan daripada penentu bukan harga barang itu
C	A supply curve graph with 'Harga (RM)' on the vertical axis and 'Kuantiti (unit)' on the horizontal axis. Two parallel upward-sloping supply curves are shown: S_0 (left) and S_1 (right). An arrow points right from S_0 to S_1. A horizontal dashed line at price P_0 intersects S_0 at Q_0 and S_1 at Q_1. Dashed lines connect these points to the axes.	Peralihan keluk S_0 ke S_1 apabila firma jangkaan harga naik pada masa depan
D	A supply curve graph with 'Harga (RM)' on the vertical axis and 'Kuantiti (unit)' on the horizontal axis. Two parallel upward-sloping supply curves are shown: S_0 (right) and S_1 (left). An arrow points left from S_0 to S_1. A horizontal dashed line at price P_0 intersects S_0 at Q_0 and S_1 at Q_1. Dashed lines connect these points to the axes.	Pergerakan S_0 ke S_1 menyebabkan berlaku perubahan dalam kuantiti ditawarkan

8 Rajah 3 menunjukkan peralihan keluk permintaan bagi barang G.




Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Berlaku penguncupan dalam kuantiti diminta sebanyak 60 unit
- B Kuantiti akan merosot apabila harga dijangka jatuh kepada RM20
- C Perubahan harga barang itu mengubah kuantiti dari 160 ke 100 unit
- D Selaras hukum permintaan apabila kuantiti berkurang 60 unit pada harga RM30

- 9 Rajah 4 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Rajah 4

Pasangan yang manakah **betul** tentang rajah di atas?

A	RM4	Firma tentukan jumlah penawaran pasaran 18 unit
B	RM6	Kuantiti keseimbangan bertambah sebanyak 10 unit
C	D ₀ ke D ₁	Harga barang itu menyebabkan kuantiti naik 16 unit
D	E ₀ ke E ₁	Jumlah permintaan pasaran alami peningkatan 28 unit

- 10 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang.


Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)
RM1.00	200
RM1.20	250

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran jika harga barang tersebut meningkat?

- A 0.80
- B 0.84
- C 1.20
- D 1.25

11 Rajah 5 menunjukkan keluk permintaan bagi barang X.



Rajah 5

Pernyataan yang manakah menerangkan tentang rajah di atas?

- A Mempunyai sedikit pengganti dalam pasaran
- B Pengguna lebih responsif terhadap perubahan harga
- C Keluaran makanan adalah contoh produk di pasaran
- D Hasil jualan dapat ditingkatkan dengan menaikkan harga

12 Antara yang berikut, yang manakah **betul** tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?

- I Mengurus pertukaran wang asing
- II Memberi pendahuluan sementara
- III Mengawal nisbah rizab berkanun
- IV Menjadi sumber pinjaman terakhir

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Maklumat berikut menunjukkan perkhidmatan deposit bank perdagangan.

- Penyata dihantar setiap bulan
- Dikenakan caj perkhidmatan bank

Pernyataan yang manakah betul tentang perkhidmatan tersebut?

- A Pelanggan diberikan buku akaun
 - B Mempunyai tempoh matang tertentu
 - C Terdapat kemudahan pinjaman overdraf
 - D Faedah dibayar mengikut jangka masa
- 14 Apakah contoh pekerjaan yang tergolong dalam sektor kedua?
- A Pemborong buah pisang
 - B Penyelia tapak ladang pisang
 - C Pengurus kilang kerepek pisang
 - D Pegawai pemasaran produk pisang
- 15 Apakah faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?
- A Kemudahan rawatan hospital untuk pekerja
 - B Waktu bekerja mengikut kesesuaian pegawai
 - C Peluang kenaikan pangkat kepada pekerja
 - D Suasana di tempat bekerja yang selesa
- 16 Apakah kelebihan membuat pembayaran secara tunai?
- A Menikmati kemudahan perkhidmatan lepas jualan
 - B Membolehkan perancangan kewangan bulanan
 - C Menggalakkan perbelanjaan secara berhemah
 - D Mengurangkan beban bayaran balik ansuran bulanan


17 Apakah kepentingan menyediakan belanjawan peribadi?

- A Mengutamakan barang kehendak keluarga
- B Mengawal kenaikan harga dalam pasaran
- C Merancang pinjaman pembelian produk mahal
- D Menyelaras pendapatan berdasarkan perbelanjaan

18 Apakah konsep firma dalam ekonomi?

- A Merupakan unit yang menawarkan sumber input
- B Meminimumkan kos semasa mengeluarkan output
- C Menggunakan produk yang dihasilkan dalam pasaran
- D Membekalkan barangan untuk kepuasan pelanggan

19 Gambar 1 menunjukkan sejenis input yang terdapat di sebuah kilang.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah **betul** tentang input tersebut?

- A Berubah mengikut perubahan keluaran
- B Wujud setelah operasi pengeluaran bermula
- C Mudah ditambah dalam jangkamasa pendek
- D Pembelian alatan tersebut dikenali kos tetap

20 Jadual 2 menunjukkan pengeluaran kasut oleh Syarikat Johan Setia.

Bilangan Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)
15	650
20	800
25	900

Jadual 2

Berapakah keluaran marginal pada buruh ke 20?

- A 20
- B 30
- C 40
- D 45

21 Pernyataan yang manakah merupakan kesan eksternaliti negatif daripada aktiviti kilang simen?

- A Pekerja kilang terpaksa memakai topeng khas semasa bekerja
- B Bajet kerajaan menyediakan kemudahan kesihatan meningkat
- C Kos tambahan firma untuk memasang sistem penapis habuk
- D Masyarakat berhampiran mengalami rumah yang berdebu

22 Apakah peranan kerajaan sebagai pengeluar dalam ekonomi?

- A Menciptakan peluang pekerjaan kepada rakyat
- B Meningkatkan taraf hidup melalui kenaikan gaji
- C Menyediakan barang yang tidak disediakan oleh swasta
- D Menetapkan harga bagi barang ekonomi dalam pasaran

- 23 Pernyataan yang manakah **betul** tentang punca inflasi tolakan kos?
- A Penciptaan kredit bank perdagangan meningkat
 - B Bahan mentah pengeluaran semakin mahal
 - C Nilai ringgit tinggi di pasaran antarabangsa
 - D Input yang diimport alami kenaikan harga
- 24 Apakah kesan ekonomi akibat daripada pengangguran?
- A Kadar kemiskinan meningkat
 - B Hilang keyakinan diri pekerja
 - C Berlaku pembaziran sumber
 - D Peningkatan kadar jenayah
- 25 Komponen yang manakah merupakan hasil cukai langsung kerajaan?
- A Duti eksais
 - B Duti setem
 - C Duti import
 - D Duti eksport
- 26 Maklumat berikut menunjukkan dua contoh perbelanjaan kerajaan.

- | | |
|-------------------------|--------------|
| • Emolumen | – RM485 juta |
| • Penyelenggaraan jalan | – RM280 juta |

Pernyataan yang manakah **betul** tentang komponen perbelanjaan tersebut?

- A Meningkatkan keupayaan pengeluaran
- B Bersifat berulang – ulang pada setiap tahun
- C Boleh ditanggungkan apabila kekurangan hasil
- D Menambahkan pembentukan modal fizikal negara



- 27 Tindakan bank pusat yang manakah dapat mengatasi masalah inflasi?
- A Menjual surat jaminan kerajaan
 - B Menurun nisbah rizab berkanun
 - C Meningkatkan keupayaan bank perdagangan mencipta kredit
 - D Memanjang tempoh bayar balik pinjaman pembelian aset
- 28 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kebaikan pelaburan langsung asing?
- I Menambah aliran masuk pinjaman ke pasaran tempatan
 - II Mewujudkan kuasa monopoli firma luar dalam negara
 - III Meningkatkan keupayaan pengeluaran barangan
 - IV Mengembang daya saing syarikat tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Apakah kepentingan perdagangan antarabangsa kepada sesebuah negara?
- A Melahirkan budaya masyarakat yang lebih istimewa
 - B Memaksimum penggunaan sumber semula jadi tempatan
 - C Mudahkan mobaliti tenaga buruh merentasi sempadan negara
 - D Meningkatkan kualiti tanah melalui penggunaan teknologi moden
- 30 Apakah tujuan kerajaan melaksanakan kuota?
- A Menghalang bahan mentah utama dijual terus ke luar negara
 - B Mengehad kemasukan barangan asing ke pasaran tempatan
 - C Melarang import barang siap dari negara tertentu
 - D Meningkatkan perolehan pendapatan kerajaan

- 31 Situasi yang manakah merupakan eksport tak nampak Malaysia?
- A Encik Aziz berkhidmat sebagai doktor pakar di Singapura
 - B Mak Cun memasarkan produk kecantikan ke New York
 - C FAMA menghantar buahan tempatan untuk hotel di Dubai
 - D Petronas Carigali Berhad membekal gas asli cecair ke Jepun
- 32 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan dengan akaun semasa negara?
- A Jumlah penerimaan kewangan direkod sebagai butiran bahagian debit
 - B Bayaran pindahan daripada pihak luar dicatat sebagai pendapatan primer
 - C Kemasukan pelancong asing akan mendorong imbalan perkhidmatan positif
 - D Pembayaran kewangan berlaku apabila negara luar mengimport barangan Malaysia

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan akaun dagangan Malaysia tahun 2025.

Lebih dagangan meningkat, mencecah RM151.80 bilion.
Sumber: <https://berita.rtm.gov.my>

Apakah faktor yang menyebabkan pencapaian tersebut?

- A Peningkatan kehadiran pelancong antarabangsa
 - B Pertambahan kemasukan pelaburan langsung asing
 - C Peningkatan jumlah nilai eksport barang dan komoditi
 - D Pertambahan pindahan bersih dari negara Timur Tengah
- 34 Apakah kepentingan Dolar Amerika kepada Malaysia?
- A Firma Malaysia menerima modal daripada bank di Amerika
 - B Membolehkan pemasaran barang Malaysia ke Amerika
 - C Menerima kemasukan barang Amerika ke Malaysia
 - D Pelancong Amerika dapat menginap hotel di Malaysia

- 35 Jadual 3 menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2023	USD1 = RM3.80
2024	USD1 = RM4.10

Jadual 3

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran tahun 2024 berbanding tahun 2023?

- A Jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat berkurangan
- B Harga barang import Amerika di Malaysia lebih murah
- C Penawaran Ringgit Malaysia akan menurun
- D Imbangan dagangan cenderung negatif

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Perubahan dalam kuantiti diminta ditunjukkan oleh peralihan keluk permintaan ke kanan atau ke kiri.
II Perubahan dalam kuantiti diminta disebabkan oleh perubahan dalam pendapatan individu.
- 37 I Pengeluaran merupakan proses menghasilkan output melalui penggabungan sejumlah input tertentu.
II Proses menghasilkan output dalam pengeluaran dapat ditingkatkan dengan menambah bilangan mesin dalam jangka masa pendek.
- 38 I Alat dasar kewangan adalah satu dasar kerajaan yang dilaksanakan melalui perubahan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan.
II Alat dasar kewangan mengembang dilaksanakan bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi dalam negara.
- 39 I Perbelanjaan mengurus merupakan belanja kerajaan untuk membiayai penyediaan infrastruktur negara.
II Perbelanjaan mengurus adalah bersifat berulang – ulang setiap tahun.
- 40 I Peningkatan nilai Ringgit Malaysia kesan daripada jumlah eksport melebihi jumlah import.
II Peningkatan nilai Ringgit Malaysia akan menyebabkan harga barang eksport relatif mahal.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT